

# Remaja mangsa kedua banjir di Terengganu, seorang hilang

**KEMAMAN** - Kejadian banjir di Terengganu meragut satu lagi nyawa semalam apabila seorang remaja lemas ketika bermain air banjir di kawasan perumahan Bukit Mentok di sini.

Dalam kejadian pukul 2 petang itu, Mohd. Hamidi Abdul Hamid, 15, dan seorang rakannya dipercayai bermain dan mendayung sampan berhampiran rumahnya.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Che Suza Che Hitam berkata, seorang lagi rakan mangsa yang belum diketahui identitinya dilaporkan hilang dan belum dapat dipastikan nasibnya.

"Kejadian disedari keluarga mangsa setelah hampir dua jam mangsa tidak pulang ke rumah. Keluarganya terlihat sampan yang dinaiki mangsa kosong dan lantas mencari mangsa di kawasan sekitar," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, ahli keluarga mangsa bagaimanapun berjaya menemui mangsa pada pukul 4.30 petang berhampiran sampan berkenaan.

Jelasnya, bapa mangsa kemudiannya menghubungi Jabatan Pertahanan Awam lalu menghantar mangsa ke hospital tetapi disahkan sudah meninggal dunia.

Difahamkan kediaman mangsa di taman perumahan itu ditenggelami air sedalam 1.5 meter berikutan hujan lebat sejak dua hari lalu.

Dalam pada itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang turut melawat mangsa banjir di daerah itu berkata, banjir yang melanda daerah Kemaman kali ini adalah antara banjir terburuk sejak lebih 30 tahun lalu.

- Bernama